

**CUEPACS Minta Penjawat Awam Yang Tidak Pilih Opsyen Persaraan 60 Dibenar
Pilih Semula
Bernama
10 Januari , 2012**

SERDANG, 10 Jan (Bernama) -- Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) meminta agar penjawat awam yang tidak memilih opsyen umur persaraan 60 tahun dibenarkan menandatangani semula.

Presiden CUEPACS Datuk Omar Osman berkata ini kerana pihaknya menerima banyak aduan bahawa ada penjawat awam tidak memilih opsyen itu kerana tidak diberi penerangan sewajarnya.

"Jadi bila pihak CUEPACS sudah memberikan penjelasan berhubung perkara itu barulah mereka faham dan berhasrat untuk menandatangani opsyen itu," katanya kepada pemberita selepas majlis Himpunan Transformasi dan Ikrar Integriti Pembantu Makmal Penolong Pegawai Sains Institusi Pengajian Tinggi Awam di sini.

Selain itu, beliau juga meminta agar penjawat awam yang dipaksa memilih opsyen skim Saraan Baru Perkhidmatan Awam (SPBA) tanpa disertakan penyata pergerakan gaji dibenar memilih semula sama ada kekal dengan Skim Saraan Malaysia (SSM) atau sebaliknya.

"Ini kerana ada yang hanya diberikan penyata kenaikan di bawah skim SBPA selepas tandatangan borang tersebut dan kemudian mendapati ada beberapa kemusykilan dalam dalam pergerakan gaji yang ditawarkan," katanya.

Katanya CUEPACS masih menerima banyak rungutan mengenai SPBA antaranya daripada penjawat awam yang sudah mencapai tangga gaji maksima.

Segala aduan katanya, akan dipanjangkan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) kerana dalam masa terdekat akan ada lagi pertemuan untuk membincangkn isu berbangkit.

Tarikh tutup bagi opsyen persaraan 60 ialah pada 30 Dis lepas, sementara opsyen SPBA dilanjutkan kepada 15 Jan.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=639160>